



## DASAR KESELAMATAN DAN PRIVASI DATA

### 1.0 Pengenalan

QL Resources Berhad (“**QL**” atau “**Syarikat**”) dan anak-anak syarikatnya (“**Kumpulan**”) komited untuk menegakkan standard tertinggi keselamatan data peribadi seperti yang diperuntukkan dalam Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (APDP).

Selaras dengan APDP dan peraturan-peraturan di bawahnya, termasuk sebarang perintah kod amalan, polisi, standard atau garis panduan yang berkaitan, jika berkenaan (secara kolektif dirujuk sebagai “Undang-Undang Privasi Data”), penerbitan Dasar Keselamatan dan Privasi Data ini (“Dasar Privasi”) di laman web QL (“Laman Web”), aplikasi dan laman-laman lain merupakan notis yang dikeluarkan kepada semua pelanggan kami yang dihargai dan/ atau pelanggan prospektif. Dasar Privasi ini akan memaklumkan anda tentang hak-hak anda berkaitan dengan data peribadi anda yang telah dan / atau akan dikumpul dan diproses oleh kami.

### 2.0 Objektif

QL ingin memberikan anda pengalaman pelanggan yang terbaik dan kami akan menggunakan dan menggabungkan data peribadi yang dikumpul oleh kami dan / atau bagi pihak anda termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- a. Memberikan anda produk dan perkhidmatan yang lebih baik;
- b. Langgaran berita atau barangan promosi;
- c. Rekod dalaman dan pemasaran;
- d. Pematuhan undang-undang; dan
- e. Komunikasi

(secara kolektif dirujuk sebagai “**Tujuan**”).

### 3.0 Jenis dan Penerangan Data Peribadi

Dasar Privasi ini merangkumi semua jenis data yang dianggap sulit dan peribadi. Berikut adalah contoh data peribadi yang dikumpul:-

- a. Nama;
- b. Nombor Kad Pengenalan/ Nombor Pasport;
- c. Jantina;
- d. Alamat Emel;
- e. Nombor Telefon Bimbit;
- f. Alamat Protokol Internet;
- g. Imej (Gambar/ Rakaman);
- h. Data Peribadi Sensitif;
- i. Maklumat Pengenalan Peribadi (PII) yang ditakrifkan oleh undang-undang atau standard privasi antarabangsa.



#### **4.0 Sumber Data Peribadi**

QL mungkin memperoleh data peribadi anda dalam bentuk salinan fizikal, format digital dan/ atau pendedahan lisan yang diterima atau disebarkan melalui mana-mana medium termasuk tetapi tidak terhad kepada interaksi bersemuka melalui kedai atau premis kami, borang permohonan, kad perniagaan, emel, melalui telefon, teks, mesej WhatsApp, dan melalui penggunaan aplikasi kami atau sebaliknya dengan menggunakan Laman Web kami atau berinteraksi dengan kami di media sosial.

#### **5.0 Pendedahan Data Peribadi**

Data peribadi anda mungkin didedahkan kepada:

- a. Kumpulan QL, Syarikat berkaitan atau bersekutu;
- b. Pengarah-pengarah, pekerja-pekerja yang diberi kuasa atau wakil, juruaudit, penasihat, perunding, firma profesional atau entiti kami;
- c. Penyedia perkhidmatan pihak ketiga kami, subkontraktor, pemberi lesan, rakan kongsi perniagaan kami, pengirim barang, agensi penghantaran/ kilang/ pentadbiran barang, bank dan institusi kewangan;
- d. Pihak berkuasa kawalselia yang berkaitan, bursa saham, badan-badan kerajaan dan agensi penguatkuasaan undang-undang;
- e. Orang lain yang QL fikirkan sesuai atau diperlukan,

walaupun orang tersebut mungkin berada di luar Malaysia, untuk mana-mana tujuan atau tujuan-tujuan lain yang berkaitan secara langsung dengan mana-mana tujuan yang data peribadi anda akan didedahkan pada masa pengumpulannya atau di mana pendedahan sedemikian diperlukan atau dibenarkan oleh undang-undang atau oleh perintah mahkamah.

#### **6.0 Keselamatan Data Peribadi**

QL menggunakan prosedur dan ciri keselamatan yang ketat setakat yang mungkin, untuk mencegah akses yang tidak dibenarkan. Data peribadi yang diberikan kepada kami melalui Laman Web, aplikasi, atau laman lain kami akan dilindungi dalam proses penghantaran menggunakan enkripsi seperti Keselamatan Lapisan Pengangkutan (TLS).

Apabila data peribadi disimpan oleh QL, kami menggunakan sistem komputer dengan akses terhad (akses diberikan hanya kepada staf yang diberi kebenaran sahaja) di fasiliti kami dengan langkah-langkah keselamatan fizikal dan data yang disimpan dalam perkhidmatan awan dalam bentuk terenkripsi termasuk storan pihak ketiga. Data peribadi yang disimpan dalam persekitaran bukan elektronik juga diperlakukan dengan prosedur dan kaedah yang ketat.

#### **7.0 Penggunaan Kuki**

Laman Web, aplikasi, dan laman lain kami, seperti kebanyakan yang lain, menggunakan “kuki”, yang disimpan oleh server komputer kami untuk mengenalpasti anda atau komputer anda atau peranti pintar anda setiap kali lawatan anda ke laman web, aplikasi, dan laman lain. Kuki-kuki ini berkaitan sepenuhnya dengan pengguna anonim dan tidak menyediakan data peribadi pengguna.



Beberapa kuki digunakan oleh pihak ketiga yang diberi kuasa untuk menyediakan QL dengan data mengenai keberkesanan keterlibatan dan promosi. Kuki-kuki ini tidak sama sekali mengumpul data peribadi untuk mengenalpasti pengguna tertentu.

Kuki-kuki ini bersifat sementara dan digunakan semata-mata untuk meningkatkan kecekapan transmisi terkini. Pengguna boleh mengkonfigurasi pelayar mereka untuk memaklumkan bahawa penerimaan kuki untuk menghalang pemasangan pada computer atau peranti pintar mereka.

## 8.0 Pemindahan Data Peribadi

Kami sangat serius dalam penyediaan tahap perlindungan yang setanding bagi data peribadi jika maklumat tersebut diproses atau digunakan di luar Malaysia oleh vendor kami.

## 9.0 Kewajipan Subjek Data

Untuk mengelakkan keraguan, “subjek data” merujuk kepada individu yang merupakan subjek data peribadi yang dikumpul daripada sumber yang tersebut dalam seksyen 4.0 di atas termasuk tetapi tidak terhad kepada semua pengguna, pelanggan yang dihargai dan/ atau bakal pelanggan kami.

Adalah penting bagi QL untuk mengumpul dan menyimpan data peribadi anda. Oleh itu, adalah juga kewajipan anda untuk memberikan data peribadi anda kepada kami secara jujur dan dengan cara yang paling tepat.

Sekiranya anda tidak memberikan kami data peribadi anda, QL akan tidak dapat memproses data peribadi anda bagi tujuan yang dinyatakan dalam seksyen 2.0 di atas atau memberikan perkhidmatan kami kepada anda secara efektif; dan semua perhubungan yang terbina atau akan dibina di antara kami akan terbatal dan berakhir dengan serta-merta.

## 10.0 Hak Subjek Data

Hak subjek data di bawah APDP termasuk tetapi tidak terhad kepada:-

- a. Untuk meminta akses kepada data peribadi  
Anda berhak meminta akses kepada data peribadi yang diproses oleh kami dengan pemberitahuan yang munasabah.
- b. Untuk meminta pembedahan data peribadi  
Anda berhak meminta pembedahan dan/ atau pengemaskinian data peribadi anda yang tidak tepat, tidak lengkap atau telah usang.
- c. Untuk membataskan pemprosesan data peribadi anda dan untuk menarik balik persetujuan pemprosesan data peribadi  
Anda berhak meminta untuk membatasi atau menghentikan kami daripada memproses data peribadi anda.  
Anda berhak meminta untuk membatasi penggunaan data peribadi anda dengan pemberitahuan yang munasabah termasuk untuk tujuan pemasaran langsung tertakluk kepada sebarang sekatan undang-undang yang berkenaan, syarat kontrak dan dalam tempoh masa yang munasabah.  
Selain itu, anda juga berhak menarik balik persetujuan anda dan menghentikan kami daripada memproses data peribadi anda.

Jika anda ingin menggunakan salah satu hak anda seperti yang dinyatakan di sini, atau jika anda mempunyai sebarang pertanyaan atau aduan mengenai Dasar Privasi ini, atau cara



data peribadi anda diproses, sila tulis kepada kami untuk permintaan-permintaan yang tersebut di atas ke alamat yang dinyatakan dalam seksyen 14.0 di bawah.

### **11.0 Tempoh Tamat Pemprosesan Data Peribadi**

Setiap kali kami mengumpul atau memproses data peribadi anda bagi tujuan-tujuan tersebut di atas, kami hanya akan menyimpannya selama yang diperlukan untuk pemenuhan tujuan-tujuan tersebut bagi mana data peribadi dikumpulkan (“Tempoh Penyimpanan”). Pada akhir tempoh penyimpanan tersebut, data peribadi anda akan dihapuskan sepenuhnya atau diubahsuai, sebagai contoh dengan pengagregatan dengan data lain agar dapat digunakan secara tidak dapat dikenali untuk analisis statistik dan perancangan perniagaan.

### **12.0 Perubahan Data Privasi**

Kami berhak mengubahsuai Dasar Privasi ini dari semasa ke semasa tanpa notis terlebih dahulu. Kami menasihatkan agar anda menyemak laman web kami di [www.ql.com.my](http://www.ql.com.my) untuk sebarang kemaskini kepada Dasar Privasi ini secara berkala.

### **13.0 Pengiktirafan dan Persetujuan**

Dengan berkomunikasi, berurusan dengan kami atau dengan menggunakan produk dan perkhidmatan QL, anda mengakui bahawa anda telah membaca dan memahami Dasar Privasi ini dan bersetuju dan memberi kebenaran untuk menggunakan, memproses, mendedahkan dan memindahkan data peribadi anda oleh QL seperti yang diterangkan dalam Dasar Privasi ini.

Walau bagaimanapun, anda boleh menarik balik kebenaran anda dengan cara yang dinyatakan dalam seksyen 10.0 di atas. Setiap emel yang dihantar oleh QL kepada anda akan mengandungi pautan langganan automatik agar anda boleh memilih keluar dari senarai mel yang dihantar.

### **14.0 Pertanyaan atau Aduan**

Sekiranya anda memerlukan maklumat lanjut tentang data peribadi yang kami pegang atau cara maklumat anda dikumpulkan atau digunakan yang tidak dijawab dalam Dasar Privasi ini, sila hubungi atau tulis kepada kami di:

Penanggungjawab : Pegawai Perlindungan Data  
Nombor telefon : **+603-7801 2288**  
Emel : [privacy@ql.com.my](mailto:privacy@ql.com.my)  
Pos : **Pegawai Perlindungan Data**  
**QL Resources Berhad**  
**16A, Jalan Astaka U8/83,**  
**Bukit Jelutong,**  
**40150 Shah Alam,**  
**Selangor Darul Ehsan**



### **15.0 Komitmen yang Tidak Mengikat**

Dasar Privasi ini tidak membentuk kontrak dan tidak mengimplikasikan sebarang komitmen yang terikat antara QL dan mana-mana pihak lain.

### **16.0 Semakan dan Penyemakan Semula Dasar**

Dasar ini diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada 29 Februari 2024. Ia akan diperiksa dan penyemakan semula akan dilakukan setiap tahun sebagai sebahagian daripada komitmen kami kepada penambahbaikan yang berterusan. Dasar yang dikemaskini akan disampaikan kepada semua pihak berkepentingan yang berkaitan untuk memastikan pelaksanaannya yang berkesan oleh Sustainability Working Group.